

TEKS UCAPAN

**YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & HAL EHWAL PARLIMEN)**

Sempena:

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2018
30 APRIL 2019 (SELASA)**

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi, dan Salam Sayangi Malaysiaku.

-YB Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

-YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin

Ketua Pengarah

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.

-Yang Arif Dato' Othman bin Yusof

Ketua Pengerusi

Lembaga Penasihat.

-YBhg. Datuk Hamidah binti Khalid

Setiausaha

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

-YBhg. Datuk Haini binti Hassan

Ketua Pengarah

Jabatan Bantuan Guaman.

-YBhg. Datuk Anas bin Ahmad Zakie

Ketua Pengarah Insolvensi

Jabatan Insolvensi Malaysia.

-YBhg. Dato' Hanita binti haji Harun

Ketua Pengarah

Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.

-YBhg. Dato Yusoff bin Mohd Amin

Ketua Pengarah

Bahagian Perlindungan.

-Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

-Pegawai-Pegawai Kanan

-Para jemputan yang diraikan

Saudara -Saudari, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati
sekalian.

1. Syukur pada pada pagi ini, kita dapat hadir bersama-sama bagi memeriahkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 bagi sebagian agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang & Hal Ehwal Parlimen).

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak penganjur kerana berjaya mengaturkan majlis pada hari ini bagi menghargai prestasi perkhidmatan cemerlang para pegawai dalam tahun 2018 yang lalu. Saya difahamkan seramai 152 orang pegawai yang diraikan pada hari ini yang merupakan penerima APC bagi tahun 2018. Syabas dan sekalung tahniah diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dipilih.

3. Saya percaya, Majlis APC yang diadakan diadakan pada setiap tahun adalah merupakan penghargaan Kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai, selaras dengan membudayakan kerja berprestasi tinggi dan berinovasi. Ini juga termasuk atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi mahupun penglibatan aktif di dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Majlis seperti hari ini adalah satu bentuk penghargaan kerajaan terhadap kecemerlangan perkhidmatan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh serta komited dalam melaksanakan tugas. Penganugerahan ini bukan hanya sebagai dorongan dan pengiktirafan kepada anggota yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi dalam melaksanakan atau telah menghasilkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan langkah ke arah membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan, khususnya pada agensi itu sendiri.

5. Kesungguhan dan komitmen tinggi tuan-tuan dan puan-puan mampu membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan. Kecemerlangan ini boleh dijadikan sebagai pengukur bahawa perkhidmatan awam telah berjaya menunaikan amanah dan tanggungjawabnya secara proaktif dan berkesan dalam menjayakan proses transformasi negara. Sesungguhnya cabaran yang dilalui dalam pada kita mengambil alih tampuk pentadbiran negara dari kerajaan terdahulu bukanlah ringan. Banyak perkara yang harus diperbetulkan dalam jangka masa yang singkat demi memenuhi aspirasi rakyat. Namun dengan keyakinan serta

kepercayaan sesama kita dibawah pimpinan Pakatan Harapan, usaha-usaha kita semakin menampakan hasil yang diharapkan oleh rakyat. Ini termasuk dalam soal memberikan keadilan dalam pelaksanaan sebarang peraturan atau undang-undang iaitu yang berpaksikan 'Rule Of Law'.

6. Walau setinggi mana kita menggapai perubahan, adalah penting bagi kita semua untuk terus memberi penekanan peribadi atau "*character building*" melalui penambahan ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan juga mengamalkan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk aspek integriti yang tinggi. Tingkahlaku yang utuh dan tahap disiplin penjawat awam yang tinggi dalam melaksanakan tugas amat diharapkan demi menjayakan setiap inisitif kerajaan. **"Self-government won't work without self-discipline": Paula Harvey**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Seperti mana yang turut ditekankan oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamed, empat (4) nilai murni iaitu rajin, amanah, disiplin dan bertanggungjawab perlu menjadi pegangan buat penjawat awam supaya dapat membentuk negara berjaya dan dihormati dunia. Apabila kita bekerja dengan cukup rajin, ikhlas dan amanah, kejayaan sudah tentu akan kita perolehi. Sebaliknya, apabila diberi tanggungjawab, namun diabaikan

dan tidak bekerja dengan bersungguh-sungguh, malahan terlibat dengan rasuah, maka negara tidak mungkin akan berjaya. Sejarah peradaban lampau telah membuktikan bahawa sesebuah kerajaan itu akan musnah apabila gejala rasuah tidak lagi boleh dibendung. Pada masa yang sama, bagi pelanggan atau rakyat, ekspektasi terhadap perkhidmatan awam juga semakin hari semakin tinggi, dan ini sudah tentunya memerlukan kita untuk membuat pembaharuan yang berterusan agar kita sentiasa responsif, relevan dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

Hadirin-hadirat yang dikasihi sekalian

8. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini akan dapat mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini, disamping terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

(Tamat)

